

TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT DATO' DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA

MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
PROGRAM PERKAMPUNGAN SAINS MELAKA 2015

7 MEI 2015 (KHAMIS)
PLANETARIUM MELAKA

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh,
Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Yang Berhormat **Datuk Wira Haji Md. Yunos Husin**

Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains & Teknologi, Teknologi Hijau
dan Inovasi Melaka

Yang Berbahagia **Dato' Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur**

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

Yang Berbahagia **Datuk Haji Md Rashid Haji Hussin**

Pengarah Pendidikan Negeri Melaka

Yang Berbahagia **Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaini Mohd Amin**

Pengerusi Planetarium Melaka Sdn. Bhd.

Yang Berbahagia **Dato' Dr. Mohd Azhar Haji Yahaya**

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOSTI

Yang Berusaha **Dr. Zulkifli Mohamed Hashim**

Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) MOSTI

Yang Berusaha **Puan Mismah Jimbun**

Ketua Penolong Pengarah, Pusat Sains Negara

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Datin-Datin, barisan pendidik, para
pelajar, rakan media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama menjayakan Majlis Perasmian Penutupan Program Perkampungan Sains Melaka 2015.
2. Terima kasih kepada Pusat Sains Negara (PSN) kerana menjemput saya untuk menyampaikan ucapan seterusnya merasmikan majlis penutupan program Perkampungan Sains Melaka 2015. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada Planetarium Melaka Sdn. Bhd. yang merupakan rakan strategik PSN kerana sudi menyumbang kepakaran dan menawarkan tempat penganjuran bagi pelaksanaan program ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua hadirin kerana dapat meluangkan masa untuk bersama-sama memeriahkan lagi majlis pada pagi ini.
3. Program Perkampungan Sains merupakan aktiviti tahunan bermula dari tahun 2009 yang dirangka di bawah program pembudayaan sains, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Program ini telah mendapat sambutan dan maklumbalas yang positif bukan sahaja daripada peserta program malahan pihak-pihak lain yang berminat untuk bekerjasama menjayakannya. Pada tahun 2011 hingga 2014, PSN telah bekerjasama dengan beberapa pihak antaranya Yayasan Angkasawan Malaysia, Cetree USM dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KETTHA) untuk memantapkan lagi pengisian program bagi memberikan impak positif terhadap minat dan kesedaran STI di kalangan para peserta. Sehingga kini, hampir 1,000 orang pelajar dan 100 orang guru telah menyertai program ini yang telah dilaksanakan dengan jayanya di beberapa negeri antaranya Sabah, Sarawak dan

Terengganu. Program yang menekankan konsep pembelajaran sains secara tidak formal melalui pendekatan pelbagai aktiviti sains *hand's on* dan *mind's on* ini memberikan pengalaman yang unik kepada para peserta dalam mendekati sains, seterusnya memberikan persepsi positif mengenai sains dan diharapkan dapat menarik minat mereka untuk menyertai STI sebagai pilihan masa depan. Penganjurannya pada tahun ini lebih istimewa lagi kerana negeri kelahiran saya, Melaka telah dipilih sebagai lokasi yang pertama bagi penganjuran program ini bagi tahun 2015. Saya juga difahamkan bahawa seramai 40 orang guru, 60 orang pelajar sekolah dan 25 orang pelajar pra-sekolah terlibat dalam program selama 3 hari ini. Kejayaan penganjuran program Perkampungan Sains Melaka 2015 adalah hasil kerjasama strategik yang terjalin erat antara MOSTI melalui PSN dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pendidikan Negeri Melaka. Program Perkampungan Sains yang seterusnya akan diadakan di Kuching, Sarawak bermula dari 15 hingga 17 November 2015.

PERKAMPUNGAN SAINS MELAKA 2015

Para hadirin sekalian,

4. Suka saya tekankan, PSN merupakan sebuah institusi pendidikan tidak formal di bawah seliaan MOSTI dengan misi untuk mencetus dan menyemai minat rakyat Malaysia ke arah pembelajaran sains dan teknologi sepanjang hayat. Saya percaya, melalui inisiatif dan program-program yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh PSN, ianya mampu memupuk kesedaran, kefahaman dan penghayatan masyarakat akar umbi terhadap sains dan teknologi.

5. Penganjuran program Perkampungan Sains Melaka 2015 dengan objektif antara lain adalah untuk menarik minat pelajar mendalami bidang sains dan berkongsi kaedah pengajaran sains secara tidak formal dengan guru-guru sains. Bersandarkan *Science Around You*, ia adalah selaras dengan penerapan elemen Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Kesenian dan Matematik (STEAM) di dalam setiap modul pendidikan sains tidak formal yang dibangunkan oleh PSN. Program ini mengetengahkan pelbagai variasi aktiviti sains yang mengujakan dalam pelbagai bentuk pendekatan seperti bengkel, pertandingan, demonstrasi, aktiviti pendidikan berbentuk *edutainment* dan sebagainya.

6. Saya amat gembira melihat penyertaan pelajar pra-sekolah, pelajar sekolah dan guru yang dipilih di seluruh Melaka bagi menyertai Perkampungan Sains Melaka 2015. Sudah pasti, kaedah dan pendekatan pendidikan bagi ketiga-tiga generasi ini berbeza. Namun demikian, sinergi dan kesepakatan yang mantap di antara PSN bersama-sama KPM dan Planetarium Melaka berjaya membangunkan modul pendidikan sains tidak formal untuk diterapkan di dalam program ini seterusnya melengkapi pengajaran sains formal yang sedia ada di sekolah.

PSN TROOPERZ

Hadirin sekalian,

7. Bermula tahun 2015, MOSTI menerusi PSN telah menubuhkan PSN Trooperz yang merupakan sebuah pasukan bagi program jangkau luar (*outreach*) yang menjelajah ke seluruh Malaysia bagi menyemarakkan lagi pembudayaan sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan masyarakat. PSN Trooperz adalah lambang komitmen MOSTI

dan PSN untuk menarik minat masyarakat terhadap bidang sains dan teknologi dengan menggunakan pendekatan yang mudah dan menyeronokkan.

8. Menerusi PSN Trooperz, pelbagai program telah diatur seperti program komuniti, program pelajar, program pendidik, program golongan kurang upaya, program orang asli dan program bersifat pertandingan yang berteraskan STEAM yang akan menjelajah ke seluruh negara. Program Perkampungan Sains Melaka ini merupakan salah satu program yang dirancang di bawah PSN Trooperz. Selepas ini, PSN Trooperz akan bergerak ke Tangga Batu Melaka bagi melaksanakan program Singgah Sains di sekolah yang terpilih.

PENDIDIKAN BERTERASKAN ELEMEN STEAM

Para hadirin sekalian,

9. Kerajaan melalui MOSTI dan KPM sentiasa memberi penekanan dalam memperkukuhkan pendidikan STEM bagi melahirkan lebih ramai generasi muda yang berkemahiran dalam bidang sains dan teknologi. Beberapa cabaran seperti kemahiran guru, pencapaian murid dan persepsi ibu bapa dan pelajar terhadap subjek sains perlu diatasi. Kesungguhan Kerajaan di dalam melahirkan pelajar yang holistik dan seimbang dapat dilihat melalui pengubalan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 dan disempurnakan pelancarannya oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd. Najib Tun Haji Abdul pada 7 April 2015 yang lepas di Kuala Lumpur. Saya dimaklumkan bahawa Kerajaan juga akan membaik pulih 3,000 makmal sekolah menengah di seluruh negara bermula tahun ini bagi

membolehkan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sains dilaksanakan dengan lebih berkesan.

10. Bagi menyokong usaha ini, PSN telah mengambil inisiatif dengan memberi suntikan **kesenian (arts)** di dalam setiap program pendidikan sains dari peringkat pra-sekolah sehinggalah kepada kumpulan pendidik. Untuk itu, MOSTI melihat bahawa pendidikan berteraskan kesenian adalah kunci kepada kreativiti manakala kreativiti pula merupakan komponen penting yang dapat mendorong inovasi. Saya difahamkan pada masa ini, PSN sedang meneroka ruang yang ada untuk menyesuaikan elemen kesenian di dalam setiap program pendidikan sains tidak formal dan langkah ini dijangka dapat meningkatkan kreativiti pelajar dan guru. Agenda ini adalah selari dengan hasrat menjadikan PSN sebagai sebuah pusat pendidikan STI tidak formal berteraskan STEAM (*STEAM learning centre*).

PERSIDANGAN DAN PAMERAN INOVASI (NICE) DAN ANUGERAH INOVASI NEGARA (AIN) 2015

Para hadirin sekalian,

11. Saya mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa MOSTI akan menganjurkan Persidangan dan Pameran Inovasi (NICE) dan Anugerah Inovasi Negara (AIN) pada 21 hingga 23 Mei 2015 dengan tema *Beyond Innovation* yang akan diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur. Penganjuran NICE 2015 adalah kombinasi aktiviti yang melibatkan persidangan, pameran, jualan produk R&D, demonstrasi produk dan memberi penghargaan kepada individu, sekolah, agensi dan syarikat yang telah mencapai kecemerlangan luar biasa dalam inovasi melalui penyampaian anugerah

inovasi. Penyertaan pelbagai agensi dalam NICE juga membuktikan komitmen dan iltizam rakyat Malaysia untuk menjayakan agenda inovasi negara. Sehubungan itu, saya berbesar hati menjemput para hadirin semua untuk sama-sama mengunjungi persidangan dan pameran ini bagi melihat hasil-hasil inovasi terkini ciptaan rakyat tempatan.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

12. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada PSN dan semua yang telah menjayakan Perkampungan Sains Melaka 2015 yang berlangsung dari 5 hingga 7 Mei 2015. Sama-samalah kita berdoa agar program yang telah diadakan ini akan benar-benar dapat dimanfaatkan oleh generasi muda hari ini, khususnya para guru dan pelajar-pelajar sekolah yang bakal menyaksikan hasrat dan cita-cita Kerajaan ke arah negara maju berpendapatan tinggi tercapai. Dengan kata-kata itu, **saya merasmikan Majlis Penutupan Program Perkampungan Sains Melaka 2015.**

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh